WA-B54-37-03/2017
MSS 7-
Encl No. 1
WP2017033100902
13390088 WP2017033100902 31/03/2017 14:45:56
WA-B54-37-03/2017
..............200.0 X 1
Jumlah RM*****************************200.00

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KUALA LUMPUR**

**DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA**

**(BAHAGIAN SIVIL)**

**SAMAM PEMULA NO. ____________________ 2017**

Dalam perkara Perjanjian Perkhidmatan Internet di antara YTL Communications Sdn Bhd dan/atau YTL Digital Sdn Bhd dan Fahri Azzat, pemegang akaun pengguna no. [redacted].

**Dan**

Dalam perkara Seksyen 41 dan 42 Akta Relief Spesifik 1950.

**Dan**

Dalam perkara Akta Perlindungan Pengguna 1999, secara khususnya Seksyen 2, 6, 17, 24A, 24B, 24C, 24D, 24E, 24I, 32 and 33.

**Dan**

Dalam perkara Akta Kontrak 1950, secara khususnya Seksyen 75.

**Dan**

Dalam perkara Akta Jualan Barangan 1957, secara khususnya Seksyen 16.

**Dan**

S\N POPN0LR4IELV
**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Dalam perkara Aturan 7, 15 Kaedah 16 dan 92

Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

**ANTARA**

FAHRI AZZAT ([redacted]) ...PLAINTIF

**DAN**

1. YTL COMMUNICATIONS SDN BHD (SYARIKAT NO. 793634-V)
2. YTL DIGITAL SDN BHD (SYARIKAT NO. 236882-K)

(Kedua-dua Defendan juga dikenali sebagai YES) ...DEFENDAN-DEFENDAN

**SAMAN PEMULA**

**BENARKAN** Defendan yang beralamat seperti di bawah hadir di hadapan Hakim/Timbalan Pendaftar pada 10-Apr-2017 jam 9.00 PAGI pagi/petang, atas pendengaran/pengurusan kes permohonan oleh Plaintif bagi perintah bahawa:

(1) Suatu deklarasi bahawa terma dan syarat bagi perkhidmatan Defendan-Defendan adalah perjanjian jenis standard yang dimaksudkan dalam Seksyen 24A(b) Akta Perlindungan Pengguna 1999;

(2) Suatu deklarasi bahawa penalti berjumlah RM 582.40 yang dikenakan atas Plaintif adalah menyalahi undang-undang;

(3) Suatu deklarasi bahawa klausa 1(f), 1(h) dan 11(b) dalam terma dan syarat perkhidmatan Defendan adalah ketidakadilan yang dimaksudkan dalam Seksyen 24A(c), 24C(1) dan 24D(1)(a), (b) dan (c) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang boleh disabitkan dibawah Seksyen 24I(1)(a) Akta Perlindungan Pengguna 1999;



S\N POPN0LR4IELV

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(4) Defendan-Defendan memulangkan jumlah sebanyak RM 582.40 kepada Plaintif dalam tempoh 7 hari dari tarikh perintah ini;

(5) Defendan membayar gantirugi am kepada Plaintif;

(6) Faedah ke atas jumlah di perenggan 5 pada kadar 5% setahun bermula dari tarikh saman pemula ini sehingga tarikh penyelesain penuh dan muktamad;

(7) Kos bagi tindakan ini; dan

(8) Apa-apa relif lain yang Mahkamah Mulia ini fikirkan adil dan sesuai.

Bertarikh 2017.

BERTARIKH:31-Mar-2017

MAHKAMAH SESYEN METERAI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Zura Syazween Hamizan
Penolong Kanan Pendaftar
Kompleks Mahkamah
Kuala Lumpur

.................................

Pendaftar

Mahkamah Rendah

Kuala Lumpur.

WA-B54-37-03/2017



S\N POPN0LR4IELV

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Kepada:

(1) YTL COMMUNICATIONS SDN BHD (793634-V)

| | | |
|---|---|---|
| Tingkat 8, One Oriental Place | | Tingkat 11, Yeoh Tiong Lay Plaza |
| No.1, Jalan Hang Lekiu | | 55 Jalan Bukit Bintang |
| 50100 Kuala Lumpur. | **ATAU** | 55100 Kuala Lumpur. |

(2) YTL DIGITAL SDN BHD (793634-V)

| | | |
|---|---|---|
| Tingkat 8, One Oriental Place | | Tingkat 11, Yeoh Tiong Lay Plaza |
| No.1, Jalan Hang Lekiu | | 55 Jalan Bukit Bintang |
| 50100 Kuala Lumpur. | **ATAU** | 55100 Kuala Lumpur. |

**SAMAN PEMULA** ini diambil oleh Tetuan Fahri & Co., peguamcara bagi Plaintif yang beralamat penyampaian di No. 15-2, Jalan PJU 7/16A, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Saman ini tidak boleh disampaikan lebih daripada 6 bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

Jika Defendan-Defendan tidak hadir sendiri atau melalui peguamnya atau peguamcaranya pada masa dan di tempat yang disebutkan di atas, maka perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah.

**SAMAN PEMULA** ini telah difailkan oleh Tetuan Fahri & Co., peguamcara bagi Plaintif yang beralamat penyampaian di No. 15-2, Jalan PJU 7/16A, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

(T: 03-77330055; F: 03-77330022; E: office@fahri-co.com: R: FC.69.1 – FA|AN)



S\N POPN0LR4IELV

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal